

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 MARCH 2017

Negara hampir hilang pelaburan RM31 bilion

Angkara tidak patriotik

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 18 MAC

PIHAK tidak patriotik yang menyebarkan berita dan maklumat palsu, hampir-hampir mengakibatkan negara kehilangan pelaburan RM31 bilion daripada Saudi Aramco dalam projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak berkata, Saudi Aramco pada awalnya keberatan melabur berikutan maklumat kononnya Malaysia sebuah negara berisiko tinggi kerana situasi politik tidak stabil, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hampir bankrap dan kerajaan tidak mampu membayar gaji penjawat awam.

Katanya, hanya selepas kerajaan memberi fakta sebenar bahawa Malaysia mendapat penarafan kategori A antara yang terbaik di dunia, baharulah pihak Saudi Aramco menyedari mereka mendaftar maklumat salah sebelum ini.

"Rezeki yang patut datang kepada negara kita, hampir-hampir terlepas daripada tangan, itu berlaku kerana ada kalangan kita yang tiada perasaan, tiada hati perut, mereka bertujuan menggagalkan negara, motifnya politik tetapi mangsanya rakyat Malaysia nanti.

"Oleh sebab itu, kita mesti betulkan persepsi dan maklumat, supaya bukan sahaja rakyat faham tetapi gambaran dan imej negara kita akan terus diletakkan di tahap sebenarnya," katanya ketika berucap merasmikan program Ekspresi Negaraku di Dataran Putrajaya di sini hari ini.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan menteri-menteri Kabinet.

Beberapa laporan media termasuk agensi media asing sebelum ini mendakwa Saudi Aramco akan membatalkan hasrat melabur di Rapid Pengerang, namun perkara tersebut ternyata meleset selepas lawatan rasmi Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia 26 Februari hingga 1 Mac lalu.

Najib melahirkan rasa kesal

terhadap tindakan seorang bekas pemimpin negara yang memburukkan nama baik negara dengan mendakwa kononnya Malaysia antara 10 negara dalam dunia mempunyai masalah rasuah paling teruk.

Beliau memberitahu, sebenarnya, Malaysia berada di tangga 55 daripada senarai 160 negara dan beliau boleh menerima sekiranya teguran dibuat dengan maksud masih ada ruang untuk penambahbaikan di negara ini.

"Tetapi saya tidak boleh terima kalau mereka berbuat sedemikian tiada perasaan sama sekali hendak jatuhkan kerajaan dan imej Malaysia, kita tidak boleh biarkan perbuatan seperti ini kerana kesudahannya yang rosak adalah negara tercinta," katanya.

Najib mengingatkan juga para hadirin mengenai pencerobohan penganas Sulu di Kampung Sri Jaya, Semporna, Sabah pada 3 Mac 2013 yang mengakibatkan kematian dua pegawai dan empat anggota polis dengan cara yang paling kejam dan zalim.

"Mereka terkorban kerana apa, kerana ada musuh dalam selimut iaitu seorang anggota (daripada) mereka sendiri berpangkat Koperal telah memberi maklumat kepada pihak musuh. Anggota polis itu telah dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun tetapi bagaimana dengan isteri kehilangan suami tercinta, anak kehilangan tempat bergantung dan di mana kita boleh ambil balik patriot kita, jawapannya kita kehilangan mereka selamlamanya," katanya.

Tegas Perdana Menteri, semua pihak perlu menyedari rakyat tidak berdosa boleh menjadi mangsa akibat tindakan individu-individu tidak patriotik yang sanggup bersubahat dengan musuh dan tiada kasih terhadap negara sendiri.

Aktiviti-aktiviti Ekspresi Negaraku

Pentas Utama

- Larian Benderaku
- Persembahan Buskers
- Persembahan Bomba
- Sembang Santai Ustaz Halim Hafidz
- Konsert Ekspresi Negaraku

Zon Kebanggaan

- Malaysia Dance Fusion
- Persembahan Permata
- Sesi perkongsian Ikon Usahawan
- Demonstrasi robotik
- Persembahan Pentarama

Zon Kecintaan

- Persembahan silap 1M4U Street Team
- Coding @School
- Demonstrasi anyaman
- Sesi perkongsian wira kanser, Nellesa Omar
- Sesi perkongsian usahawan baharu Magic

Pentas Zon Aspirasi

- Perkongsian Usahawan Satu Daerah Satu Industri (SDSI)
- Dialog Transformasi Nasional 2015 (TN50)
- Perkongsian kejayaan usahawan wanita
- Kuiz Sains
- Persembahan Tarian

Zon Aktif Sukan

- Pertandingan bola jaring
- Pertandingan grafiti
- Sukan Rakyat

SEMINAR Hebat 2017

Di bawah Program
Kecemerlangan Pendidikan

Program Kecemerlangan Pendidikan bersama Utusan Melayu Malaysia Berhad (UMMB) dibawah Kendalian Eksklusif Berkat Minda Resources (BMR) akan diadakan di beberapa tempat terpilih seluruh negara.

Program dinamakan SEMINAR HEBAT 2017 ini akan dijalankan selama 2 hari dan dibimbing oleh panel guru pakar mata pelajaran yang berpengalaman luas sebagai penceramah.

Pelajar akan diberi kupasan setiap subjek dan tip menjawab soalan secara betul dengan mengikut format terkini (KSSR).

Setiap subjek diperuntukan masa tiga jam. Pelajar yang menyertai seminar ini akan disediakan bahan modul bercetak, folder, sijil serta makan dan minum tiga kali sehari.

Yuran pendaftaran ialah RM130 untuk dua hari (Tiada GST dikenakan).

Untuk mendapatkan butiran lanjut dan pendaftaran boleh hubungi terus